



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

PENJELASAN RASMI MENGENAI KEANGGOTAAN PASUKAN PETUGAS KHAS EAIC SIASATAN PROSES KEWARGANEGARAAN PEMAIN NATURALISASI MALAYSIA

**UNTUK SIARAN SEGERA
12 NOVEMBER 2025**

EAIC ingin merujuk kepada beberapa laporan media bertarikh 11 November 2025 yang menggunakan tajuk “Yusof Ismail digugurkan” dan “EAIC menggugurkan Yusof Ismail” berhubung kenyataan media bertajuk Maklumat Susulan Pasukan Petugas Khas EAIC Siasatan Proses Kewarganegaraan Pemain Naturalisasi Malaysia.

EAIC ingin menjelaskan bahawa keputusan untuk tidak melibatkan Datuk Seri Dr. Yusof Ismail, Ahli Pesuruhjaya EAIC, dalam pelaksanaan Pasukan Petugas Khas tersebut adalah merupakan langkah pentadbiran yang diambil memandangkan beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Khas Siasatan Bebas (*Independent Investigation Committee – IIC*) FAM. Langkah ini diambil bagi memastikan integriti, ketelusan dan kebebasan daripada sebarang percanggahan peranan dalam kedua-dua jawatankuasa tersebut.

Selain itu, keputusan ini sama sekali tidak menjejaskan kedudukan dan kredibiliti Datuk Seri Dr. Yusof Ismail sebagai Ahli Pesuruhjaya EAIC.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.